



Headline: 3 lagi ditipu Macau Scam babit kerugian Language: Malay
RM170,000

Publication/Portal: Berita harian

Date: 19 January 2022

Section: Nasional

Page: 18

3 lagi ditipu Macau Scam babit kerugian RM170,000

Kuala Lumpur: Sindiket Macau Scam terus menjerat orang ramai, apabila tiga lagi individu terperdaya sehingga mengalami kerugian berjumlah lebih RM170,000.

Di Sibu, seorang suri rumah berusia 50-an kehilangan wang simpanan RM87,240 selepas dihubungi seorang wanita memperkenalkan diri sebagai wakil insurans bernama 'Mastura', 30 November lalu.

Pemangku Ketua Polis Daerah Sibu, Superintendan Collin Babat, berkata wanita itu mendakwa nama mangsa digunakan untuk membuat tuntutan insurans RM76,800 dalam tempoh tiga bulan.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa bercakap kononnya dengan 'Sarjan Zulkifli Zubir' dari Jabatan Siasatan Jenayah.

Selain itu, katanya, suri rumah berkenaan juga diminta membuka akaun bank kononnya bagi proses ikat jamin jika pendakwaan dilakukan terhadap mangsa.

"Justeru, mangsa membuat lima transaksi memasukkan wang berjumlah RM61,000 ke dalam akaun bank baharu dibukanya," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Namun, beliau berkata, mangsa kemudian dihubungi seorang wanita 'Aisyah Abdullah' kononnya menggantikan 'Mastura' yang ditukarkan ke tempat lain.

Katanya, suri rumah itu berasa curiga lalu membuat semakan dan mendapati semua wang dalam dua akaun milik mangsa berjumlah lebih RM87,000 sudah lelap, lalu membuat laporan polis, kelmarin. Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, di **Kuantan**, seorang pengurus jualan produk minuman rugi RM61,150 diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai bank.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata terdahulu lelaki berusia 55 tahun dari Lorong Seri Teruntum itu menerima panggilan bertanyakan status kad kreditnya, sebelum mangsa menjelaskan tiada kad kredit seperti dinyatakan suspek.

Dalam kes berasingan, Mohd Wazir berkata, seorang lelaki berusia 27 tahun bertugas sebagai pembantu pusat dialisis juga kerugian RM23,000 selepas diperdaya individu menyamar pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang mendakwa nama mangsa digunakan dalam pendaftaran sebuah syarikat yang mempunyai tunggakan hutang RM55,800.